

Telephone : Brunei Student Unit
020 – 7402 0045
Brunei Hall
020 – 7402 0953
Website : www.upp.org.uk
E-mail : enquiries@upp.org.uk



اونيت فنونتوت-فنونتوت بروني
سوروهنجاي تيغكي نكارا بروني دارالسلام
BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 NORFOLK SQUARE
LONDON W2 1RX
UNITED KINGDOM

SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BILANGAN 03/2023
PEMAKLUMAN BAGI LATIHAN PENEMPATAN SEMENTARA
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA CUTI MUSIM PANAS

Dengan hormat sukacita menarik perhatian:

- a. **pelajar-pelajar Basiswa kerajaan (MOE, MFA, MORA, YAYASAN) tahun 2** yang akan menggunakan kemudahan tambang kerajaan *Biennial Leave* semasa cuti musim panas pada bulan Julai hingga September 2023.
 - b. pelajar-pelajar **Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan**
 - c. Pelajar-pelajar persendirian
2. Sebagai salah satu inisiatif Unit Penuntut-Penuntut dan Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada dunia pekerjaan sebenar bagi penuntut-penuntut yang sedang belajar di United Kingdom, setiap **pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Basiswa kerajaan** adalah **digalakkan** untuk mengikuti latihan penempatan sementara semasa cuti musim panas di Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya bagi tempoh **empat (4) minggu**.
3. **Pelajar-pelajar SBPP dan persendirian** juga adalah dialu-alukan untuk menjalani latihan penempatan sementara.
4. Walaubagaimanapun, latihan tersebut nanti adalah juga **tertakluk kepada penerimaan dan kuota** yang diperuntukkan oleh agensi-agensinya yang dipohonkan oleh penuntut.

SYARAT-SYARAT ADALAH SEPERTI BERIKUT:	
1	Latihan hendaklah di adakan di Negara Brunei Darussalam sahaja sama ada agensi kerajaan ataupun swasta;
2	Latihan penempatan sementara bagi agensi tersebut ialah selama empat (4) minggu.
3	Setiap penuntut yang berhasrat untuk menggunakan kemudahan tambang kerajaan <i>Biennial Leave</i> semasa cuti musim panas hendaklah terlebih dahulu menghadapkan Borang Penempatan Sementara (link). Dan apabila tiba ke Negara Brunei Darussalam hendaklah melapor diri ke Jabatan Pengurusan Bahagian Basiswa, MOE.



4	Borang Latihan Penempatan Sementara hendaklah di emel kepada Ms Asmani Hassan, academic@upp.org.uk selewat-lewatnya pada 15 Mac 2023.
5	Pelajar dikehendaki menghantar CV bersama dengan Borang Latihan Penempatan Sementara tersebut.
6	Untuk penuntut yang diikatjanji sebagai pendidik hendaklah meletakkan nama sekolah / institusi yang dipilik di dalam borang tersebut.

5. Dalam hubungan ini, Unit Penuntut-Penuntut sukacita berharap para penuntut akan mengambil peluang baik ini untuk menimba pengalaman di bidang pekerjaan sebenar walaupun ianya tidak dimestikan.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan setiap penuntut mengenainya.

والسلام

'Menjayakan Wawasan Brunei 2035'



Mohammad Danny bin Aimi
Pegarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV

Tarikh: 11 Rejab 1444H / 02 Februari 2023